



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)



Gardenia KL diminta beri penjelasan kenaikan harga roti



Fuziah (kiri) ketika menghadiri Program Jualan Rahmah Bergerak DUN Tanjung Lumpur di PPRS Pinggiran Putra, Kuantan pada Khamis.

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sudah mengeluarkan notis meminta syarikat pengeluar roti Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd (Gardenia KL) memberikan penjelasan berhubung kenaikan harga 30 jenis roti miliknya bermula 1 Oktober ini.

Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, syarikat berkenaan perlu menjawab notis yang dikeluarkan pada Rabu itu sebagai sebahagian daripada usaha pihaknya bagi mengelak berlaku kenaikan harga tidak munasabah sehingga boleh membebankan rakyat.

"Pihak Gardenia perlu menjawab notis itu dalam tempoh enam hari sebab kita nak tahu semua kos terlibat, sebagai contoh harga te-

pung digunakan, kos pengangkutan, borong dan runcit. Keseluruhan rantaian bekalan ini perlu dijelaskan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Jualan Rahmah Bergerak Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Lumpur di Projek Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra di sini pada Khamis.

Katanya, KPDN akan melakukan pengiraan secara komprehensif selepas menerima penjelasan Gardenia KL bagi menentukan sama ada kenaikan harga barangan makanan itu rasional atau tidak.

"KPDN tidak dapat menghalang sesebuah syarikat menaikkan harga barangan mereka, namun penetapan harga sebenarnya masih

boleh dikawal mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan," katanya.

Gardenia KL sebelum ini mengesahkan 30 produk mereka akan mengalami kenaikan harga antara 10 dan 40 sen, selepas menyemak semula harga bagi produk terpilih namun harga roti putih, roti gandum penuh dan roti Toast'em masih kekal bagi memastikan kenaikan tidak membebankan majoriti pelanggan.

Sementara itu, dalam program Jualan Rahmah itu menyaksikan dua lori yang membawa muatan pelbagai barang makanan dan keperluan asas dengan nilai subsidi RM34,000 ditempatkan di kawasan PPRS berkenaan bagi memudahkan orang ramai membeli.

- Bernama

Kuantan: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sudah mengeluarkan notis meminta syarikat pengeluar roti Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd (Gardenia KL) memberikan penjelasan berhubung kenaikan harga 30 jenis roti miliknya bermula 1 Oktober ini.

Timbalan Menteri berkenaan Fuziah Salleh berkata, syarikat berkenaan perlu menjawab notis yang dikeluarkan kelmarin itu, sebagai sebahagian daripada usaha pihaknya bagi mengelak berlakunya kenaikan harga yang tidak munasabah sehingga boleh membebaskan rakyat.

"Pihak Gardenia perlu menjawab notis itu dalam

KPDN keluar notis minta Gardenia KL beri penjelasan



Pihak Gardenia perlu menjawab notis itu dalam tempoh enam hari sebab kita hendak tahu semua kos terlibat"

Fuziah

tempoh enam hari sebab kita hendak tahu semua kos terlibat, sebagai contoh harga tepung diguna-

kan, kos pengangkutan, borong dan runcit. Keseluruhan rantaian bekalan ini perlu dijelaskan," ka-

tanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Jualan Rahmah Bergerak Dewan Undangan Negeri (Dun) Tanjung Lumpur di Projek Perumahan Rakyat Disewa (PPRS) Pinggiran Putra di sini, semalam.

Katanya KPDN akan melakukan pengiraan secara komprehensif selepas menerima penjelasan Gardenia KL nanti, bagi menentukan sama ada kenaikan harga barangan makanan itu rasional atau tidak.

Katanya, KPDN tidak da-

pat menghalang sesebuah syarikat untuk menaikkan harga barangan mereka, bagaimanapun penetapan harga sebenarnya masih boleh dikawal mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan.

Gardenia KL sebelum ini mengesahkan 30 produk mereka akan mengalami kenaikan harga antara 10 dan 40 sen, selepas menyamak semula harga bagi produk terpilih; namun harga roti putih, roti gandum penuh dan roti Toast'em masih kekal

Sementara itu, dalam program Jualan Rahmah pada semalam menyaksikan dua lori yang mem-

INFO

● Gardenia KL sebelum ini mengesahkan 30 produk mereka akan mengalami kenaikan harga antara 10 dan 40 sen, selepas menyamak semula harga bagi produk terpilih namun harga roti putih, roti gandum penuh dan roti Toast'em masih kekal

bawa muatan pelbagai barangan makanan dan keperluan asas dengan nilai subsidi RM34,000 ditempatkan di kawasan PPRS berkenaan bagi memudahkan orang ramai membelinya.

KUANTAN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has issued a notice asking bread producer Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd to provide an explanation regarding a price increase involving 30 types of its products from Oct 1.

Deputy Minister Fuziah Salleh said the notice was issued yesterday and the company is required to respond, as an unreasonable price increase could burden consumers.

Gardenia asked to justify price hike

"Gardenia needs to respond to the notice within six days because we want to know all the costs involved, such as the price of flour used, transport costs, wholesale and retail. The entire supply chain needs to be explained," she said after attending the Tanjung Lumpur State Constituency Mobile Rahmah

Sale at the Pinggiran Putra People's Housing Project yesterday.

She added that after receiving the explanation from Gardenia, the ministry would do a comprehensive tally to determine whether the increase in the price of its bread items is rational or justified.

Fuziah said the ministry cannot prevent a company from raising the price of its goods, but such increases could be controlled through the Price Control and Anti-Profiteering Act.

Through a media statement, Gardenia previously confirmed that 30 of its products would be

subject to a price increase of between 10 sen and 40 sen, after reviewing the prices of selected items.

However, the bread manufacturer said the price of white bread, whole wheat (wholemeal) bread and Toast'em bread would remain unchanged to ensure that the increase does not burden the majority of consumers. - Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE (KPDN)

29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 29 SEPTEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
29-Sep	Gardenia KL asked to justify increase in price of bread products – KPDN	https:// themalaysianre- serve.com/2023/09/28/gardenia-kl- asked-to-justify-increase-in-price-of- bread-products-kpdn/	THEMALAYSIANRESERVE
29-Sep	Naikkan harga 30 produk, KPDN tunggu jawapan Gardenia	https://www.google.com/amp/ s/www.astroawani.com/berita- malaysia/naikkan-harga-30- produk-kpdn-tunggu-jawapan- gardenia-439396%3famp=1	ASTROAWANI
29-Sep	Gardenia KL diminta beri penjelasan kenaikan harga 30 jenis roti	https://www.google.com/amp/s/ www.bharian.com.my/amp/berita/ nasional/2023/09/1158342/ gardenia-kl-diminta-beri-penjelasan -kenaikan-harga-30-jenis-roti	BH
29-Sep	Gardenia KL asked to justify increase in price of bread products – KPDN	https://www.bernama.com/en/ news.php?id=2229719	BERNAMA
29-Sep	Gardenia KL diminta beri penjelasan kenaikan harga roti	https://www.bernama.com/bm/ am/news.php?id=2229694	BERNAMA
29-Sep	Naikkan harga 30 produk, KPDN tunggu jawapan Gardenia	https://www.google.com/amp/s/ www.sinarharian.com.my/ ampArticle/281399	SH
29-Sep	KPDN: Gardenia KL asked to justify increase in price of bread products	https://www.thesundaily.my/local/ kpdn-gardenia-kl-asked-to-justify- increase-in-price-of-bread-products- HA11551143	THESUNDAILY
29-Sep	KPDN orders Gardenia KL clarify price hike for 30 products by Oct 3	https://focusmalaysia.my/kpdn- orders-gardenia-kl-to-clarify-price- hike-for-30-products-by-oct-3/	FOCUSMALAYSIA

29-Sep	Govt asks Gardenia to explain increase in prices of breads	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/09/960717/govt-asks-gardenia-explain%25C2%25A0increase-prices-breads	NST
29-Sep	Bread manufacturer asked to justify price increases, says deputy minister	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/28/bread-manufacturer-asked-to-justify-price-increases-says-deputy-minister	THESTAR
29-Sep	Gardenia diberi enam hari untuk beri penjelasan kenaikan harga roti	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/09/1014336/gardenia-diberi-enam-hari-untuk-beri-penjelasan-kenaikan-harga-roti	HM